

| | |
|--------------|--------------------------------------------------------|
| Headline | UM terus anjur pertandingan debat integriti IPT |
| Date | 01. Feb 2008 |
| Media Title | Berita Harian |
| Section | Pendidikan |
| Circulation | 217991 |
| Readership | 762968 |
| Language | MALAY |
| Page No | 31 |
| Article Size | 387 cm² |
| Frequency | Daily |
| Color | Full Color |



IIM terus anjur pertandingan debat integriti IPT



Oleh Khairina Yasin

BERMATLAMAT meningkatkan kefahaman pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mengenai usaha pengukuhkan integriti negara, Institut Integriti Malaysia (IIM) buat kali keempat menganjurkan pengajuran Pertandingan Debat Integriti Antar IPT, tahun ini.

Pertandingan dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia, Badan Pencegah Rasuah dan Universiti Sains Malaysia (USM) berlangsung selama lima hari, di kampus induk di Pulau Pinang, bermula hari ini.

Bertema Tekad 2008: Sasaran Kita, pertandingan kali ini disertai 42 pasukan yang mewakili 23 IPT awam dan swasta termasuk Universiti Perbaikan Nasional Malaysia dan Management & Science University.

Pengarah Sektor Sosio Kebudayaan IIM, Mazilan Musa (gambar), berkenan penyerahan kali ini meningkat berbanding 27 tahun lalu, sekali gus menjadikan pertandingan sengit.

Pertandingan debat ala parlimen bahasa Melayu ini menyaksikan pertembungan dua pasukan, masing-

masing mewakili pihak kerajaan dan pembangkang yang akan mengupas pelbagai isu berkaitan integriti.

"Selain mempromosi dan membayaskan etika serta integriti kalaangan warga kampus, pertandingan turut memberi peluang mengasah bakat kepimpinan pelajar," kataanya di Kuala Lumpur, semalam.

Pertandingan bermula sejak 2005 itu, katanya memberi impak kepada tahap kesedaran dan kefahaman pelajar IPT terhadap isu berkaitan integriti.

Mazilan berkata, kini pelajar IPT mula mengambil tahu isu berkaitan integriti, sekali gus membuktikan pengajuran pertandingan berjaya mencapai objektif.

Mengulas mengenai tema pertandingan, katanya, ia selaras Fasa Pertama Pelan Integriti Nasional yang

Kini pelajar IPT mula mengambil tahu isu berkaitan integriti, sekali gus membuktikan pengajuran pertandingan berjaya mencapai objektif"

Mazilan Musa

Pengarah Sektor Sosio Kebudayaan IIM

berteraskan Tekad 2008: Sasaran Kita. Pertandingan akhir akan berlangsung di Dewan Budaya USM pada 5 Februari ini yang akan diadili panel juri berpengalaman.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dijangka menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.

Turut dijangka hadir, Presiden IIM, Datuk Dr Mohd Tap Salleh dan Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Dzulkifli Abdul Razak.

Johan pertandingan bakal membawa pulang Piala Pusingan Perdana Menteri, wang tunai RM6,000, piala iringan dan sijil.

Naib johan dan dua pemenang salju hati peringkat separuh akhir, masing-masing akan menerima RM4,000 dan RM2,000, selain piala iringan dan sijil.

Piala Pusingan Pendebat Terbaik dan wang tunai RM1,000 menanti pendebat terbaik pertandingan akhir, manakala johan liga keseluruhan pula akan menerima Piala Johan Liga, selain piala iringan dan sijil.

Lima pendebat terbaik liga akan dianugerahkan piala iringan dan sijil, manakala pasukan yang tewas di peringkat suku akhir dan awal masing-masing turut menerima wang tunai RM400 dan RM200 serta sijil.

Mazilan berkata, IPT lain turut bertanding antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Teknologi Mara, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Seterusnya, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia PAhang, Universiti Darul Iman Malaysia, Universiti Malaysia Sabah.

Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Multimedia, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Teknologi Petronas.

